

SOALAN NO. 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI ABDUL HADI
BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah justifikasi terhadap syor persempadanan semula yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kajian semula persempadanan dilaksanakan sepenuhnya oleh SPR dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip dan tatacara yang termaktub dalam Perkara 113 dan Bahagian I dan II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Seperti mana yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 4 (a), Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR hendaklah menyiarkan kesan syor bagi sesuatu kajian semula persempadanan tersebut dan perkara ini telah dipenuhi melalui Jadual 1 dan 2 di dalam Notis Persempadanan dan syor yang dipamerkan itu.

Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;

- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (d) Memelihara hubungan tempatan.

Sekian, terima kasih.